

Pengurangan subsidi bertujuan kurangkan seludup
Malaysiakini.com
Disember 8, 2010

Pengurangan subsidi untuk petrol, diesel dan gula yang berkuatkuasa baru-baru ini diyakini dapat mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan berkeñaan di kawasan sempadan negara.

NONEMalah, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Awang Adek Hussin berkata langkah itu juga bertujuan mengurangkan jurang perbezaan harga di pasaran tempatan dan negara jiran yang selama ini menjadi punca aktiviti penyeludupan berleluasa.

"Ia (menangani penyeludupan) adalah antara sebab kerajaan terpaksa menaikkan harga bahan itu, selain mengurangkan jurang perbezaan harga di peringkat antara bangsa," katanya kepada pemberita, di Bachok, semalam.

Awang Adek berkata aktiviti penyeludupan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian besar manakala pihak yang tidak bertanggungjawab pula mengaut keuntungan berganda kerana harga bahan berkeñaan adalah tinggi di negara jiran.

Katanya kerajaan memperuntukkan lebih RM10 bilion setahun bagi tujuan subsidi barangan keperluan asas berkeñaan.

Hasil penjimatan daripada pengurangan subsidi ini akan digunakan kerajaan untuk melaksanakan pelabgai projek bagi feadah rakyat, kata beliau.

Justeru, Awang Adek menasihatkan masyarakat agar tidak menjadikan pengurangan subsidi itu sebagai isu perdebatan sehingga memecah-belahkan perpaduan.

Jumaat lalu kerajaan mengumumkan pengurangan subsidi itu menjadikan harga petro RON95 adalah sebanyak RM1.90 seliter diesel RM1.80 seliter, LPG RM1.90 satu kg dan gula RM210 sen satu kg.

- Bernama